

## BAB SATU

### Pengenalan

Singapura terkenal bukan di rantau Asia sahaja tetapi di seluruh dunia. Ia negara yang paling maju dan stabil di kalangan rakan-rakan ASEANnya yang lain. Kejayaan yang dicapai dalam pelbagai aspek pembangunan, teknologi dan ekonomi menyebabkan negara pulau ini muncul sebagai sebuah negara moden yang begitu dinamik sekali masa kini. Kepentingannya menarik ramai penyelidik membuat kajian ke atasnya. Banyak kajian dan penulisan yang dibuat oleh para sarjana berkenaan sejarah Singapura yang dinamik ketika zaman pentadbiran Inggeris, sistem politik Singapura yang demokrasi, kemajuan perdagangan dan ekonominya, masyarakat yang berbilang bangsa dan agama serta lain-lain perspektif lagi.

Hampir kesemua penulisan yang dibuat sama ada ketika zaman British ataupun masa kini lebih menekankan aspek Singapura sebagai sebuah koloni atau negara yang mempunyai asas pentadbiran yang cekap. Masyarakat umum lebih didedahkan terhadap kecemerlangan dan corak pentadbiran British yang menjadi tulang belakang dalam sejarah pembangunan Singapura. Satu faktor yang kurang menonjol ialah


Singapura mempunyai sejarah masa lampau sebagai sebuah *fortress island* dan *the most fortified port* di rantau Asia Tenggara.

Lokasi Singapura yang dikatakan memegang anak kunci laluan perdagangan dan komunikasi antara Timur dan Barat, menyebabkan British telah memastikan faktor keselamatan perlu diberikan keutamaan. Maka, mereka telah mencipta satu ruang sempadan bagi Singapura dan pulau-pulaunya serta mewujudkan satu sistem pertahanan yang mantap untuk mempertahankan kedaulatan dan kepentingan mereka di pulau tersebut. Dengan menguasai ruang sempadan dan pertahanan tersebut juga telah membolehkan British mewujudkan keamanan dan kestabilan yang menghidupkan kepentingan Selat Singapura serta meletakkan gelarannya sebagai "*Key to the Far East*".

"....These extended bounds appear to me to be absolutely necessary towards the military protection of the Settlement, towards our internal security, and towards our safety from the piratical hordes that surround us, against those incursions and depredations there would be no indemnity if we were not in the occupation of the numerous islets which lie upon the immediate coast of the principal Settlement".<sup>1</sup>

Kerja-kerja pertahanan yang dibangunkan di Pulau Singapura dan wilayahnya adalah semata-mata untuk melindungi kepentingan dan perdagangan Imperial. Dengan itu, jika dilihat daripada kronologi pembinaan kerja-kerja pertahanan, muara Sungai Singapura telah menjadi

Peta 1.1 Singapore Main Strait (Dilukis semula)



Sumber : CO 537/47 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 6 Feb. 1891,  
desp. Conf., ff. 160-261.

kawasan pertama yang dilindungi. Apabila aktiviti perdagangan dan perkapalan beralih ke New Harbour, maka kerja-kerja pertahanan telah dibangunkan di kedudukan-kedudukan strategik yang dapat menawarkan perlindungan kepada keselamatan perdagangan Imperial. Secara ringkasnya, langkah keselamatan dan pertahanan telah dimulakan semenjak hari pertama bendera British berkibar di pulau tersebut. Lebih tepat lagi, di sebalik pengenalannya sebagai pelabuhan entrepot yang terbaik, Singapura adalah sebuah perkubuan Inggeris yang paling kukuh di Timur.

"Singapore has always been a naval and military station".<sup>2</sup>

Penyelidikan yang saya jalankan ini cuba mencungkil pembangunan Singapura dari aspek pertahanan sebagai satu faktor penting dalam sejarah pulau tersebut. Daripada penelitian-penelitian yang dibuat ke atas dokumen utama mengenai Singapura, pengkaji mendapati bahawa faktor pertahanan merupakan satu topik yang begitu menonjol dan penting untuk diketengahkan. Tambahan pula, buku-buku dan kajian yang dibuat sebelum ini amat kurang memberikan tumpuan ke atas faktor tersebut. Oleh itu, kajian ini cuba memberikan tumpuan ke atas isu-isu berkaitan dengan perbelanjaan dan prosedur, agihan pembiayaan serta perlaksanaan kerja-kerja pertahanan Pulau Singapura dan wilayahnya. Isu ini rumit. Ia melibatkan pihak pentadbiran koloni Negeri-Negeri Selat, Pegawai

Pemerintah Tentera Stesen China di Hong Kong, Kerajaan British di India, Jabatan Perang, Jawatankuasa Pertahanan Imperial dan juga Kerajaan Imperial British di England. Pengkaji berusaha mengetengahkan faktor ini dengan cara yang terbaik.

Setiap bab dalam tesis ini dimulakan dengan perkara berkenaan pelabuhan dan aktiviti perdagangan Singapura. Perdagangan Singapura adalah kepentingan Imperial dan Kolonial. Untuk menguasai aktiviti perdagangan di Asia Tenggara, Singapura telah dibangunkan sebagai pelabuhan yang menyediakan perkhidmatan perkapalan seperti pembekalan bahan bakar khususnya selepas ketibaan kapal-kapal wap di rantau ini dan kemudahan-kemudahan pelabuhan yang terbaik. Usaha-usaha ini telah menjayakan tujuan British mencipta kedudukan strategik Singapura dan sekaligus muncul sebagai pusat perdagangan yang ulung.

Faktor perdagangan dan peranannya sebagai pelabuhan meletakkan isu pertahanan sebagai satu agenda penting. Perkara ini tersirat dalam himpunan rekod-rekod perbelanjaan dan pendapatan koloni Negeri-Negeri Selat. Tema strategik Singapura menyebabkan perbelanjaan pertahanan menjadi topik utama dalam hubungan di antara koloni dan Imperial. Kos pertahanan yang ditanggung sepenuhnya oleh koloni sebagai syarat perpindahan pentadbiran 1867 semakin hilang apabila keselamatan dan perdagangan Singapura menjadi perhatian Imperial. Perkara ini agak

menonjol terutamanya dalam tahun 1880-an. Sungguhpun demikian, Imperial berterusan mengambil sebahagian daripada pendapatan koloni sebagai *Military Contribution*.

Dengan sumbangan tersebut dan peruntukan kewangan Imperial, pertahanan Singapura dibangunkan. Perlaksanaan kerja-kerja pertahanan Singapura adalah selari dengan kepentingan arang batu untuk kapal wap dan keperluan tenaga lain serta perkembangan aktiviti perdagangan dan pelabuhan. Selepas tahun 1900-an, petroleum semakin penting sebagai sumber tenaga dalam pengangkutan pada keseluruhannya. Keselamatan segala kepentingan Imperial di Singapura menyebabkan aplikasi sistem pertahanan periuk api dan *floating defences* yang lebih bertujuan sebagai pertahanan Imperial. Selepas Perang Dunia Pertama, kepentingan strategik Singapura sebagai pengkalan Imperial semakin menonjol apabila ia dipilih sebagai pengkalan laut British yang utama menggantikan Hong Kong di Timur.

Penulisan tesis ini turut menyentuh mengenai faktor anggota-anggota pertahanan yang dihantar berkhidmat di Negeri-Negeri Selat, khususnya Singapura. Tentera-tentera tersebut terbahagi kepada dua, iaitu pasukan yang berkhidmat sebagai pertahanan koloni dan pasukan yang berkhidmat dengan tiket Imperial. Anggota-anggota tentera ini bergabung tenaga membentuk garisen Singapura. Peranan tentera berubah dalam


perjalanan sejarah dengan perubahan dalam strategi ketenteraan Singapura. Kemudian setiap bab dalam tesis ini diakhiri dengan rumusan berkenaan kepentingan perbelanjaan, kerja-kerja pertahanan dan garisen serta faktor persaingan kuasa-kuasa tentera lain di Timur untuk memahami perkembangan ketenteraan dan pertahanan dalam sejarah Singapura.

Langkah dan kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan di Pulau Singapura menjadi satu jaminan kepada pembangunan dan kemakmurannya. Kerja-kerja pertahanan dan perlindungan yang dijalankan oleh pihak Kolonial semenjak operasi menghapuskan lanun sehingga kepada kerja-kerja pembinaan kubu-kubu pertahanan merupakan satu langkah berwaspada pihak Imperial dan Kolonial British serta para pedagang Negeri-Negeri Selat terhadap keselamatan "*Malta of the East*" mereka ini.

"If the trade is secure, the prosperity may be expected to continue and increase, and the first instincts of self-interest would lead the community to make every effort to protect and defend their trade".<sup>3</sup>

Namun begitu, sifat berwaspada Imperial terhadap situasi yang berlaku di Eropah dan Kepulauan Nusantara serta kesannya ke atas kerja-kerja pertahanan dan keselamatan Pulau Singapura dan wilayah pengaruhnya, amat sedikit disentuh oleh sarjana-sarjana sejarah Singapura. Perkara ini ketara sekali terutamanya sebelum Perang Dunia Pertama.

Peta 1.2 Kerja-kerja pertahanan Pulau Singapura dan wilayahnya (1819-1927).



Seorang pengkaji pernah menyatakan :

"In particular, studies of the defences of Singapore between the wars have failed to consider the relationship between the geopolitical-strategic position of the island and developments during the eighteenth and nineteenth centuries, and specifically the rise of Britain as an imperial power in Asia and the implications of that situation."<sup>4</sup>

Antara penulisan-penulisan yang dibuat oleh sarjana-sarjana yang terkenal berkenaan dengan sejarah Singapura ialah C.B. Buckley, **Anecdotal History of Old Times**<sup>5</sup>, D.C. Boulger, **The Life of Sir Stamford Raffles**<sup>6</sup>, C.M. Turnbull, **A History of Singapore 1819-1975**<sup>7</sup>, Ernest C.T. Chew dan Edwin Lee (ed.), **A History of Singapore**<sup>8</sup> dan lain-lain. Hampir kesemua sarjana tersebut kurang memberikan tumpuan terhadap isu pertahanan Singapura.

Sarjana-sarjana yang menyentuh berkenaan pertahanan Singapura atau lebih khusus lagi mengenai Pengkalan Laut Singapura termasuklah antara lain, James Neidpath, **The Singapore Naval Base and the Defence of Britain's Eastern Empire 1919-1941**<sup>9</sup>, James McIntyre, **The Rise and Fall of Singapore Naval Base 1914-1942**<sup>10</sup>, James Leasor, **Singapore: The Battle that Changed The World**<sup>11</sup> dan Ivan Simson, **Singapore : Too Little Too Late**.<sup>12</sup> Buku-buku ini memperkatakan pertahanan Singapura. Walau bagaimanapun, mereka tidak menyentuh langsung kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan pada peringkat awal pembukaan Singapura. Maklumat yang diketengahkan juga kurang

memberikan data-data secara terperinci tentang kedudukan dan persenjataan pertahanan tersebut.

Topik berkenaan Singapura dalam zaman Perang Dunia Kedua banyak ditulis oleh para sarjana. Rata-rata penulisan tersebut menyentuh tentang pergerakan tentera Jepun menguasai Tanah Melayu dan seterusnya menawan Singapura. Ia diceritakan dan digambarkan dengan penuh dramatik. Buku-buku yang berkaitan adalah seperti R. Grenfell, **Main Fleet To Singapore**<sup>13</sup>, Dorothy Crisp, **Why We Lost Singapore**<sup>14</sup>, S.W. Kirby, **Singapore : The Chain Of Disaster**<sup>15</sup>, C.M. Turnbull, **A History Of Singapore 1819-1975**<sup>16</sup> dan banyak lagi.

Pulau Singapura dan wilayahnya telah menjadi stesen utama Imperial di Timur semenjak awal abad ke-19. Bagi kumpulan koloni Negeri-Negeri Selat dan wilayah-wilayah pengaruh British di Kepulauan Melayu, Singapura muncul sebagai satu pusat tumpuan dan pentadbiran. Kemudahan depot-depot arang batu dan petroleum serta dibantu oleh pentadbiran pelabuhan yang cekap dan bekalan air dapat memenuhi keperluan kapal-kapal dan aktiviti di pelabuhan yang menjadi tunjang kepada keperluan perdagangan di pulau tersebut. Kemudahan-kemudahan seperti bekalan elektrik<sup>17</sup> dan sistem komunikasi<sup>18</sup> juga disediakan bertujuan mempercepatkan lagi arus pembangunan. Kecemerlangan pembangunan dan kemajuan teknologi di Pulau Singapura dan wilayahnya

merupakan kejayaan pentadbiran Imperial dalam menyusun strategi mengaut kekayaan dan memperluaskan wilayah pengaruh mereka di Alam Melayu.

Segala hasil mahsul bumi Melayu diperdagangkan di Pelabuhan Singapura. Maka, tidak hairanlah Singapura dapat berkembang maju seiring dengan perkembangan teknologi dan kemajuan di Eropah. Kecekapan pentadbiran dan kelincinan kerja-kerja pelabuhan serta institusi yang berkaitan dengan perdagangan menjadikan pulau kecil yang miskin dengan bahan mentah ini mampu muncul sebagai sebuah pusat pengumpulan dan perdagangan di Kepulauan Melayu. Tambahan lagi usaha memperdalamkan pelabuhan telah menjadi faktor yang penting dalam pembangunan Pelabuhan Singapura untuk menyesuaikannya dengan perubahan dalam teknologi perkapalan. Pendek kata, kedudukan Pulau Singapura yang disokong dengan kemudahan pelabuhannya yang ditaja oleh pihak kerajaan dan syarikat-syarikat perkapalan telah membolehkan Singapura tampil sebagai bazar perdagangan antarabangsa.

Kemajuan Pelabuhan Singapura dalam menyediakan kemudahan perkapalan dan perdagangan kargo serta dilengkapi dengan perkhidmatan pembekalan bahan bakar, telah menjadikannya pusat persinggahan penting kepada kapal-kapal dagangan.<sup>19</sup> Dengan tumpuan untuk memelihara dan melindungi segala kepentingan ini, maka pihak

Imperial dan Kolonial telah mengambil langkah-langkah keselamatan dan pertahanan yang sejajar untuk melindunginya.

British mendapat kesempatan bertapak di Pulau Singapura melalui perjanjian yang dibuat oleh Sir Stamford Raffles sebagai wakil Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan pembesar-pembesar Johor, iaitu Sultan Hussin Mohamed Shah dan Temenggong Abdul Rahman Sri Maharaja pada 6hb. Februari 1819. Perjanjian tersebut membenarkan British membuka *factory*<sup>20</sup> di pulau berkenaan.<sup>21</sup> Hasrat utama Raffles ialah menjadikan Singapura sebagai satu saingan kepada Belanda di Kepulauan Melayu.<sup>22</sup>

Persaingan pengaruh kedua-dua kuasa maritim Eropah ini akhirnya ditamatkan dengan Perjanjian Inggeris-Belanda pada 17hb. Mac 1824 yang melibatkan pertukaran wilayah sesama mereka. Melaka yang menjadi jajahan Belanda diserahkan kepada British, manakala Bencoolen dan wilayah pengaruh British di Sumatera diserahkan kepada Belanda. Perjanjian ini mewujudkan sempadan pengaruh politik yang nyata di Alam Melayu. Wilayah Melayu ini telah dipecahkan kepada dua kuasa dan pengaruh asing iaitu Belanda dan British.

Kemudian, kewibawaan British ke atas Pulau Singapura dan wilayahnya dalam lingkungan 10 batu geografi telah diiktiraf sepenuhnya apabila satu perjanjian ditandatangani oleh John Crawford (Residen

Singapura) dengan pembesar-pembesar Johor (Sultan Hussin dan Temenggung Abdul Rahman) pada 2hb. Ogos 1824.<sup>23</sup> Perjanjian berkenaan secara tidak langsung telah memberikan satu jaminan kepada British mengubah konsep pertahanan pinggiran setempat yang terhad di muara Sungai Singapura kepada sistem pertahanan pantai dan perairan pulau tersebut. Pihak British mula membina sistem pertahanan yang bertujuan untuk melindungi Pulau Singapura dan wilayahnya daripada kekacauan dalam negeri serta menyekat keganasan lanun yang banyak beroperasi di sekitar perairan Singapura di samping mengawal pergerakan penjenayah buangan di rantau ini. Kelebihannya lagi ialah sempadan yang diiktiraf tersebut membolehkan British menguasai laluan Selat Singapura, laluan Rabbit dan Coney serta jalan masuk ke Laut China Selatan.<sup>24</sup>

Perluasan pengaruh dan wilayah British di Alam Melayu lebih berlandaskan kepada faktor perdagangan. Nicholas Tarling, **British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871**<sup>25</sup>, menyebut bahawa penguasaan Inggeris ke atas Pulau Pinang (1876), Singapura (1819) dan Melaka (1824) telah menjadi faktor dalam mempergiatkan pembangunan dan perkembangan British di Asia Tenggara.<sup>26</sup>

Lokasi Negeri-Negeri Selat terletak dalam laluan perdagangan dengan negara-negara Asia Tenggara, China, India, Britain dan Eropah. Di antara ketiga-tiga wilayah British tersebut, Singapura

mempunyai kelebihan yang lebih menonjol dari segi kedudukan geografi. "Pulau pelabuhan" ini terletak di laluan yang sesuai bagi kapal-kapal yang belayar dengan tiupan angin dan kapal wap.

"It was the most convenient port of call for a sailing vessel setting out from Britain or India and bound for Siam, Indo-China, China or the Philippines, it was also on the route of vessels plying between India and China which used the Straits of Makasar and Mindoro.<sup>27</sup>

Dua laluan utama perdagangan antara Eropah, India, Asia Tenggara dan China ialah melalui Selat Melaka di sebelah utara dan Selat Sunda di selatan. Laluan di sebelah selatan ini adalah di bawah kuasa Belanda. Dengan pemilikan pulau dan perairan Singapura, maka kedua-dua laluan masuk ke Selat Melaka terletak di bawah kuasa British. Justeru itu, kepentingan British dalam *China Trade* British dilindungi sepenuhnya.<sup>28</sup>

Kemajuan Singapura sebagai pelabuhan entrepot di Asia Tenggara telah menimbulkan persaingan komersial di kalangan pihak Belanda di kepulauan ini. Belanda mengambil langkah untuk membangunkan Pulau Wai atau Pulau Sabang sebagai pengkalan arang batu untuk menyaangi Singapura. Pulau ini terletak di sebelah utara pintu masuk ke Selat Melaka dan mempunyai kedudukan yang strategik serta pelabuhan dalam semulajadi.<sup>29</sup> Batavia pula terlebih dahulu muncul sebagai pusat perdagangan Belanda di Asia pada abad ke-17 dengan *trading post* dari Capetown dan Rusia melalui India, Ceylon, Burma,

Thailand, Kampuchea, Vietnam, Laos dan Melaka ke Farmosa dan Deshima di Jepun. Batavia menjadi pusat pentadbiran Belanda di Hindia Timur. Ia terletak di Selat Sunda yang menjadi tempat persinggahan kapal-kapal Belanda dalam perjalanan mereka merentas Lautan Hindi untuk menuju atau pulang dari Eropah melalui Tanjung Harapan.<sup>30</sup>

Namun begitu, British tidak berasa tergugat dengan persaingan tersebut. Ini kerana semua kapal dagang dari pelabuhan-pelabuhan China dan Jepun sama ada dalam perjalanan pulang atau pergi membawa dagangan yang didagangkan di Singapura. Maka lebih menguntungkan dan mudah bagi mereka untuk terus menuju dan mengisi arang batu di Pelabuhan Singapura. Lebih-lebih lagi dengan terdapatnya perkhidmatan pembekalan arang batu di pulau tersebut telah mempercepatkan lagi kemunculan dan pembentukan Singapura pada awal kebangkitannya sebagai sebuah pusat komersial. Justeru itu, kepentingan ini perlu dilindungi dan diawasi daripada sebarang ancaman. Sekiranya kapal-kapal tersebut tidak membawa dagangan yang didagangkan di Singapura, mereka dapat menjimatkan masa dengan mengisikan bekalan arang batu di Pulau Wai daripada mendapatkan bekalan tersebut di Singapura ataupun Colombo.<sup>31</sup>

Sehingga tahun 1867, Negeri-Negeri Selat diletakkan oleh British di bawah pentadbiran yang berpusat di India. Faktor-faktor

perbelanjaan pertahanan atau lebih dikenali sebagai *Military Contribution* menjadi asas kepada perpindahan tersebut. Para sarjana yang menulis tentang sejarah Singapura gagal melihat perkara ini sebagai faktor utama dalam isu perpindahan tersebut. Pendek kata, penulisan-penulisan sejarah sebelum ini menulis tentang Singapura tanpa membuat satu pengkhususan kepada faktor pertahanan yang memainkan peranan yang sama berat dalam membentuk pulau tersebut sebagai sebuah pelabuhan dan pusat dagangan dunia di Timur.

Rasa tidak puas hati di kalangan para penduduk dan pedagang di Negeri-Negeri Selat, khususnya Singapura terhadap pentadbiran British di India telah menggesa kepada perpindahan pentadbiran koloni. Mereka menghantar petisyen kepada *Secretary of State* dan Parlimen British di England. Petisyen tersebut menyatakan tentang kesediaan dan kemampuan koloni untuk membiayai sendiri kerja-kerja pertahanan, termasuklah kos pertahanan yang tinggi yang dikenakan oleh pentadbiran British di India. Beberapa tahun sebelum perpindahan pentadbiran Negeri-Negeri Selat, koloni ini telah menampung perbelanjaan yang besar, bukan sahaja untuk membiayai kerja pertahanan, tetapi juga perkhidmatan pasukan laut tempatan.<sup>32</sup>

Laporan Sir Hercules Robinson pada tahun 1864 ada menyatakan berkenaan perbelanjaan pertahanan koloni. Pada tahun

tersebut, jumlah pendapatan koloni ialah £172,000. Sebanyak £53,000 daripada jumlah tersebut merupakan perbelanjaan pertahanan. Ia meliputi hampir  $\frac{1}{3}$  daripada pendapatan koloni. Dalam perkiraannya, beliau menjangkakan sebanyak £63,000 perlu diambil sebagai *future military charge* ke atas koloni. Robinson berpendapat bahawa Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang disatukan sebagai satu koloni berupaya membiayai perbelanjaannya sendiri tanpa membebankan pendapatan Imperial. Pada tahun 1866, pihak *Treasury* di England telah memutuskan sumbangan Negeri-Negeri Selat berjumlah sebanyak £59,300 setahun dikenakan bagi lima tahun pertamanya. Walau bagaimanapun, pada tahun 1868, jumlah sumbangan sebanyak £59,300 itu tidak mencukupi untuk membiayai keseluruhan kos garisen koloni.<sup>33</sup>

Secara ringkasnya, sembilan tahun sebelum perpindahan pentadbiran koloni ke London, Kerajaan British India telah mengenakan 58% atau sejumlah £77,000 daripada pendapatan koloni yang berjumlah sebanyak £132,000 sebagai perbelanjaan pertahanan. Gesaan perpindahan pada tahun 1863, menyebabkan perbelanjaan pertahanan yang dikenakan hanya pada kadar sebanyak 33% atau £70,000 daripada jumlah pendapatan koloni yang berjumlah £211,000. Jumlah berkenaan kekal pada tahun 1866 tetapi kadar peratusnya terhadap pendapatan koloni menurun sedikit. Ini ekoran peningkatan dalam jumlah pendapatan yang diperolehi oleh koloni

pada tahun tersebut.<sup>34</sup> Di bawah pentadbiran Kolonial, perbelanjaan pertahanan koloni daripada tahun 1868 hingga 1871 berjumlah £59,300 setahun. Sementara daripada tahun 1872 hingga 1890 pula adalah sebanyak £50,145 setahun. Kemudian, perbelanjaan atau sumbangan pertahanan koloni kepada Kerajaan Imperial telah ditetapkan kepada £100,000 setahun.<sup>35</sup>

Secara kasarnya dari tahun 1870-an hingga awal tahun 1880-an, keputusan Negeri-Negeri Selat membiayai sendiri segala perbelanjaan pertahanannya bagai dipencilkan. Jumlah *Military Contribution* yang dikenakan ke atas koloni adalah £50,145 setahun sungguhpun dalam tempoh masa tersebut, kerja-kerja pertahanan Singapura begitu giat dibangunkan. Namun begitu pada tahun 1884, isu ini telah dibangkitkan kembali. Lord Hartington yang kemudiannya menjawat jawatan sebagai *Secretary of State for War* menyatakan bahawa dua buah Kerajaan Kolonial, iaitu Negeri-Negeri Selat dan Hong Kong berupaya menampung kos pembinaan kerja-kerja pertahanan masing-masing. Pihak Imperial hanya perlu menyediakan atau menyumbangkan persenjataannya sahaja.<sup>36</sup>

Pada tahun 1888 dengan pendapatan koloni Negeri-Negeri Selat yang makin meningkat, jumlah perbelanjaan pertahanannya adalah kurang daripada £50,000. Maka hasrat koloni kini telah tercapai untuk membebaskan diri daripada belenggu pentadbiran British di India. Koloni

boleh membiayai sendiri perbelanjaannya sama ada dari segi sivil maupun pertahanan. Keputusan ini sangat menyebelahi penduduk Negeri-Negeri Selat.

Namun begitu, ia telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat British. Ini disebabkan kemakmuran Negeri-Negeri Selat makin terserlah dan meningkat dari semasa ke semasa. Dalam tempoh 30 tahun, pendapatannya bertambah daripada £130,000 kepada £619,000. Sebaliknya sumbangan pertahanan koloni kepada Kerajaan Imperial pula merosot daripada £80,000 pada tahun 1861 kepada £40,000 pada tahun 1888. Sungguhpun demikian, kemerosotan *Military Contribution* tidak mengakibatkan pengurangan dalam kos garisen. Malah kos garisen semakin meningkat dan rakyat British terpaksa membayar kenaikan ini. Persoalan berkenaan sistem cukai bukanlah suatu faktor yang boleh meringankan koloni daripada membiayai *Military Contribution*. Ini kerana tiada cukai kastam dan cukai pendapatan yang dikenakan di Negeri-Negeri Selat. Malah, hampir  $\frac{2}{3}$  daripada pendapatannya adalah hasil daripada lesen-lesen yang dikeluarkan terutamanya lesen cандu.<sup>37</sup>

Kerja-kerja pertahanan koloni, khususnya di Singapura sememangnya menimbulkan rasa tidak puas hati daripada pelbagai pihak di England dan koloni sendiri. Pihak di England berpendapat mereka tidak sepatutnya menampung segala beban perbelanjaan kerja-kerja

tersebut. Mereka lebih bersedia menunaikan tanggungjawab untuk membiayai segala perbelanjaan pertahanan demi keselamatan negara ibunda. Pihak koloni pula beranggapan bahawa kepentingan dan keselamatan Singapura telah memberikan kemakmuran dankekayaan kepada empayar British. Perdagangan yang berlangsung dan kemudahan pembekalan arang batu di "pulau pelabuhan" ini hampir kesemuanya memberikan keuntungan dan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat perdagangan serta perkapalan yang berpusat di England. Maka, pihak Imperial perlu lebih bertanggungjawab dalam membiayai kerja-kerja pertahanan dan keselamatan koloni.

Satu lagi perkara yang sering diperdebatkan di antara pihak Kolonial dan Imperial ialah jenis matawang yang terlibat dalam sumbangan tersebut. Pihak Imperial lebih senang menerima matawang sterling sebagai sumbangan daripada koloni. Walau bagaimanapun, koloni sendiri sering menggunakan matawang dolar semasa membuat pembayarannya kepada Kerajaan Imperial. Perkara ini sudah tentu akan mendatangkan kerugian atau keuntungan kepada sesebelah pihak. Namun begitu, pihak Imperial masih menerima dolar dengan syarat kadar pertukarannya adalah *standard* dengan nilai sterling.

Sungguhpun demikian, seringkali berlaku pengurangan jumlah sumbangan pertahanan yang diterima daripada Negeri-Negeri Selat.

Ini kerana nilai dolar Negeri-Negeri Selat berbanding nilai sterling adalah sentiasa berubah. Sebagai contohnya jumlah sumbangan koloni dari tahun 1870-an hingga 1880-an adalah \$235,976, sedangkan nilai sebenar yang perlu dijelaskan oleh koloni kepada pihak Imperial adalah lebih besar daripada jumlah tersebut. (Lihat Jadual 1.1)

Jadual 1.1 : Menunjukkan kerugian nilai yang dihadapi oleh pihak Imperial akibat sumbangan pertahanan koloni dibayar dengan matawang dolar.

Year	Current value of dollar (s. d.)	Total expenditure in dollars	Contribution received in dollars	Deficiency in dollars	Deficiency in sterling at current value of dollars
1876 - 77	3 11.5	250,437	235,976	14,461	2,851
1877 - 78	3 9	262,144	235,976	27,168	4,906
1878 - 79	3 11	251,062	235,976	15,086	2,952
1879 - 80	3 9	259,596	235,976	23,620	4,423
1880 - 81	3 8	264,159	235,976	28,183	5,166
1881 - 82	3 9	259,596	235,976	23,620	4,428
1882 - 83	3 8	264,159	235,976	28,183	5,163
1883 - 84	3 9	259,596	235,976	23,620	4,428
1884 - 85	3 9	259,596	235,976	23,620	4,423
1885 - 86	3 8	264,159	235,976	28,183	5,166
1886 - 87	3 7	268,934	235,976	32,953	5,904
1887 - 88	3 4	284,693	235,976	48,717	8,119
Total deficiency				316,419	57,952

Sumber : CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Perang, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 611-631.

Sementara dalam Jadual 1.2, jumlah perbelanjaan pertahanan koloni adalah hampir sama bagi setiap tahun. Dalam tahun 1860-an dan awal 1870-an, perbelanjaan pertahanan adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun 1880-an. Ini kerana dalam tahun berkenaan, banyak kerja pertahanan dibangunkan di Pulau Singapura dan wilayahnya. Sebaliknya peratusan perbelanjaan pertahanan dalam pendapatan koloni adalah semakin berkurangan. Ini disebabkan pendapatan koloni yang semakin meningkat sementara jumlah perbelanjaan pertahanan pula tidak mengalami perubahan yang besar.

Sukar untuk mengenepikan fakta bahawa garisen Negeri-Negeri Selat yang pada syarat perpindahan koloni tersebut dibiayai oleh koloni sendiri. Di sebalik syarat tersebut, sebenarnya telah menyebabkan Kerajaan Imperial membelanjakan sebanyak £800,000 hingga £900,000 dalam tempoh 20 tahun serta ditambahkan lagi sebanyak £200,000 untuk membiayai kerja-kerja pembinaan pertahanan koloni.<sup>38</sup>

Isu pembiayaan pertahanan koloni, terutamanya dalam membiayai kerja-kerja pertahanan di Pulau Singapura dan wilayahnya sentiasa menjadi topik di kalangan Negeri-Negeri Selat, Kerajaan Kolonial, Imperial, Pejabat Perang dan *Treasury* di England. Peranan Pulau Singapura sebagai pengkalan arang batu dan petroleum, "bazar dunia di Timur", pelabuhan komersial dan pusat pengaruh British di rantau ini

Jadual 1.2 : Menunjukkan perbelanjaan pertahanan Negeri-Negeri Selat dari tahun 1868 hingga 1887.

Date	Contribution due to Imperial Govt. for mily. expenditure and amount actually paid		Total military expenditure	Revenue	Percentage of military expenditure to revenue
	Due	Paid			
1868	59,300	59,300	62,681	276,641	22.7
1869	59,300	59,300	62,681	279,021	22.5
1870	59,300	59,300	63,379	292,983	21.6
1871	51,595	59,300	60,996	298,712	20.4
1872	50,386	51,595	55,963	326,458	17.1
1873	50,145	50,386	52,280	319,195	16.4
1874	50,145	50,145	56,750	310,010	18.3
1875	50,145	50,145	59,357	327,006	18.1
1876	50,145	46,703	52,882	352,544	15.0
1877	50,145	44,245	51,193	366,236	14.0
1878	50,145	46,212	51,883	366,449	14.1
1879	50,145	44,245	49,933	387,313	12.9
1880	50,145	43,262	49,997	472,260	10.6
1881	50,145	44,245	50,439	486,764	10.3
1882	50,145	43,262	49,664	441,672	11.2
1883	50,145	44,245	50,275	559,023	9.0
1884	50,145	44,245	53,421	629,920	8.4
1885	50,145	43,262	50,305	628,530	8.0
1886	50,145	42,279	50,436	671,338	7.5
1887	50,145	39,329	45,305	689,371	6.6

Sumber: CO 273/163: Treasury kepada Pejabat Perang, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 611-631.

menjadi asas kepada kepentingan kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan. Dalam erti kata yang lain, kerja-kerja pertahanan yang

memakan belanja yang besar merupakan jaminan kepada kemakmuran perdagangan Pulau Singapura dan kestabilan pengaruh British di Asia Tenggara. Pendek kata, kemajuan yang dicapai oleh Singapura adalah selari dengan pembangunan pertahanannya. Sifat prasangka dan waspada Imperial ke atas setiap kemungkinan yang boleh menggugat kedaulatan mereka di Alam Melayu ini dan "koloni emasnya" itu telah mengerakkan perlaksanaan kerja-kerja pertahanan.

Namun begitu pada tahun 1889, khabar angin mula kedengaran di koloni bahawa Kerajaan Imperial akan menaikkan kadar sumbangan pertahanan. Mulai daripada tahun 1890 hingga 1893, Kerajaan Imperial telah mengambil sejumlah £100,000 dari Negeri-Negeri Selat sebagai *Military Contribution*. Jumlah ini meningkat hampir sekali ganda berbanding dengan sumbangan kos pertahanan bagi tahun 1889, iaitu sebanyak £50,145.<sup>39</sup> Pihak koloni telah membantah keputusan tersebut dan mendakwa Imperial telah menyalah-tafsirkan kesediaan mereka untuk bersama-sama membiayai kerja-kerja pertahanan. Ini menyebabkan peningkatan beban kewangan koloni dan secara relatifnya, *Military Contribution* Negeri-Negeri Selat menjadi lebih besar daripada *Crown Colonies* British yang lain.<sup>40</sup> Sumbangan ini kemudian dikurangkan kepada £80,000 pada tahun 1894 berikutan desakan koloni. Pada tahun 1895 pula, sumbangan pertahanan koloni telah ditetapkan kepada £90,000. Namun

begitu, pada waktu yang sama koloni terpaksa membiayai kerja-kerja pembinaan berek-berek baru yang menelan belanja sebanyak £20,000.<sup>41</sup> Kemudian pada tahun 1896, *Military Contribution* telah ditetapkan kepada 17.5 % daripada pendapatan yang diperolehi oleh koloni.<sup>42</sup>

Pada tahun 1899, sumbangan pertahanan atau *Military Contribution* koloni Negeri-Negeri Selat tertakluk di bawah Ordinan No. 64, tahun 1899. Ketetapan ini telah dibuat oleh Kerajaan Imperial di London. Sumbangan pertahanan koloni telah ditetapkan pada 20% daripada pendapatannya (tanpa termasuk *land sales and premia on leases* dan *Statutory Land Grants*).<sup>43</sup> Kadar peratus ini dikekalkan sehingga projek Pengkalan Laut Singapura dilaksanakan. Dalam melaksanakan projek tersebut, sumbangan turut diterima daripada tanah jajahan British yang lain seperti Negeri-Negeri Melayu, Hong Kong dan New Zealand. Australia tidak terlibat dalam menghulurkan sebarang sumbangan ke atas projek tersebut.

Kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan di Pulau Singapura dan wilayahnya diilhamkan daripada impian Raffles yang bercita-cita untuk menjadikan pulau ini setanding dengan Malta. Pembukaan petempatan Inggeris ini sekaligus memecah monopoli perdagangan Belanda di Kepulauan Melayu. Kedudukannya sebagai "Key to the Far East" menjadi satu kelebihan yang tidak ternilai kepada pihak Inggeris untuk menjamin

peluang dan dominasi mereka dalam perdagangan dengan Timur Jauh. Pendek kata, Pelabuhan Singapura boleh menjadi satu pengkalan yang selamat bagi operasi angkatan laut British. Dalam masa yang sama juga ia dapat berperanan sebagai pusat kegiatan komersial Great Britain di Kepulauan Timur.

Lokasi Singapura terletak di antara Timur dan Barat. Ini meletakkan kedudukannya sama seperti koloni-koloni British di Laut Mediterranean. Pendudukan British di Gibraltar, Malta dan Cyprus membolehkan mereka menguasai aktiviti perdagangan di Laut Mediterranean serta laluan pelayaran ke Timur dan Australia.<sup>44</sup> Gibraltar yang mempunyai keluasan dua batu persegi serta Malta dan pulau-pulau wilayahnya yang seluas 117 batu persegi mempunyai kedudukan pertahanan yang strategik. Malah, kedudukan Malta menjadi satu kelebihan kepada Imperial British mengukuhkan penguasaan perdagangan dan perluasan pengaruh mereka.

"It has become a British possession, more important than ever, commanding as it does, not merely the Mediterranean, but what is perhaps the greatest highway of the world".<sup>45</sup>

Pihak Imperial cuba menerapkan konsep *a port in a fort* Malta dan Gibraltar ini ke atas pulau dan pelabuhan di Singapura.

Keselamatan pelabuhan dan aktiviti perdagangan Singapura telah menjadi faktor utama kepada usaha meningkatkan keselamatan dan

membangunkan kerja-kerja pertahanan. Dalam peringkat awal penubuhan Singapura hingga pertengahan abad ke-19, konsep pertahanan British di pulau tersebut adalah perlindungan kepada keselamatan pelabuhan dan mengelakkan sebarang gangguan terhadap aktiviti perdagangannya. Justeru itu, mereka telah mengambil langkah membasmikan lanun di perairan Singapura, Selat Melaka dan hingga ke Lautan China. Lanun menjadi gangguan utama dalam usaha British mencipta Singapura sebagai sebuah pelabuhan komersial dan entrepot. Di samping itu, British menganggap kehadiran mereka di rantau ini seperti menunaikan satu tanggungjawab manusawi. Mereka ingin membebaskan rantau dan masyarakat Asia Tenggara daripada berperang sesama sendiri, menamatkan aktiviti perlanunan, perhambaan dan memperkenalkan nilai dan moral budaya Eropah, memaju dan memakmurkan kegiatan ekonomi serta lebih patuh kepada undang-undang.<sup>46</sup>

Dalam menjamin keselamatan semua kepentingan Kolonial dan Imperial di Singapura, kerja-kerja pertahanan dibangunkan di lokasi-lokasi strategik yang menghala ke arah pelabuhan dan jalan-jalan masuk ke pelabuhan. Dalam erti kata lain, pelabuhan serta depot-depot arang batu menjadi tumpuan utama kepada kerja-kerja pertahanan. Malah pada awal tahun 1880-an, mereka sudah mula mengaplikasikan sistem pertahanan periuk api di kawasan pelabuhan. Bentuk pertahanan ini turut

dilaksanakan di pelabuhan-pelabuhan arang batu Imperial yang lain seperti Hong Kong, Mauritius dan Trincomalee. Sistem persenjataan turut dipertingkatkan di kubu-kubu pertahanan yang dikendalikan oleh pasukan garisen dan *Volunteer*. Dengan itu, perlindungan yang maksimum dapat ditawarkan kepada pelabuhan dan depot-depot arang batu di Singapura.

Sikap berhati-hati British terhadap musuhnya, terutama kuasa Eropah lain di Asia Tenggara dan situasi di Eropah turut merupakan salah satu faktor yang menggesa kepada setiap kerja pertahanan yang dilaksanakan dan bentuk perlindungan yang ditawarkan. Mereka begitu takut terhadap pencerobohan musuh di Pulau Singapura. Dengan itu, setiap kapal asing yang membawa senjata atau tentera (*Foreign Men of War* dan *Ships of War*) telah dikenakan peraturan semasa berlabuh di Pelabuhan Singapura. Langkah ini telah dilaksanakan pada tahun 1880-an.

Situasi yang tidak menentu di negara-negara Asia seperti Jepun, Korea dan China serta keghairahan kuasa-kuasa Barat mencari tapak di rantau Asia turut sama mendorong pihak Imperial mengambil sikap berhati-hati. Demi menjamin keselamatan tanah-tanah jajahan dan pengaruh mereka di Timur, Britain mengambil langkah bersekutu dengan Jepun pada tahun 1907 untuk melindungi koloni-koloni mereka di Timur dan menghadapi Perang Dunia Pertama.<sup>47</sup> Jepun bersedia membantu

melindungi keselamatan wilayah-wilayah Inggeris di Timur. Perkara ini membolehkan Britian menumpukan hampir seluruh kekuatan angkatan lautnya di Eropah ekoran tindakan-tindakan agresif yang ditunjukkan oleh Jerman. Pihak Jepun telah berjaya menawan wilayah-wilayah yang terletak di bawah pengaruh Jerman di Pasifik.<sup>48</sup> Mereka turut membantu pertahanan dan melindungi keselamatan India yang merupakan sebuah koloni British yang penting.<sup>49</sup>

Peristiwa Perang Dunia Pertama telah menyedarkan Britain dan Amerika tentang kemunculan Jepun sebagai saingan mereka di Pasifik. Kedua-dua negara tersebut ingin mengekalkan dasar buka pintu dengan China. Tindakan agresif Jepun semasa perang menunjukkan aspirasi mereka untuk menawan China dan mengambil alih kedudukan kuasa-kuasa Barat di Timur Jauh. Jepun juga bercita-cita untuk muncul sebagai kuasa politik dan komersial yang utama di rantau ini.

Sungguhpun Imperial sangat mementingkan keselamatan Singapura tetapi kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan di pulau tersebut dan wilayahnya sebelum Perang Dunia Pertama tidaklah begitu hebat. Namun selepas Perang Dunia Pertama, Britain begitu khuatir dengan keselamatan laluan komunikasi laut mereka antara United Kingdom dengan Australia dan New Zealand. Mereka sedar tentang keperluan menempatkan angkatan laut di Timur Jauh. Tambahan lagi,

pusat graviti kuasa-kuasa laut selepas perang telah berpindah dari Atlantik dan Mediterranean ke Pasifik.<sup>50</sup> Oleh itu, sebuah pengkalan tentera laut yang efisien dan moden perlu dibangunkan bagi menjamin keselamatan laluan komunikasi Imperial.

Laluan komunikasi utama Britain ke Timur Jauh adalah melalui Mediterranean dan Terusan Suez. Kemudian, ia menyeberangi Lautan Hindi ke Ceylon. Di sini, laluan komunikasi berpecah kepada dua cabang. Pertama, dengan mengikuti laluan tenggara ke Fremantle dan kemudian menyusuri selatan pantai Australia ke destinasi-destinasi Adelaide, Melbourne dan Sydney serta menuju ke New Zealand. Laluan yang kedua pula ialah dengan menuju ke sebelah timur Ceylon dan melalui Selat Melaka ke Singapura serta kemudiannya ke Hindia Timur Belanda, Borneo, Indo-China, Hong Kong dan seterusnya ke Shanghai. Kedua-dua laluan berkenaan adalah jalan perdagangan yang begitu menguntungkan Imperial British.<sup>51</sup>

Pilihan yang perlu dibuat oleh Imperial ialah di antara Sydney di Australia dan Singapura. Di sini terserlah kedudukan Singapura sebagai pilihan yang terbaik. Sydney terletak di penghujung jaluran jalan perdagangan dan komunikasi Britain. Sebaliknya Singapura terletak di *historic gateway* di antara Lautan Hindi dan Pasifik dengan melalui Laut China Selatan serta berada di tengah-tengah laluan komunikasi laut. Maka,

kedudukan strategik dan sebuah pengkalan laut di Singapura bukan sahaja dapat melindungi Tanah Melayu yang kaya dengan hasil getah dan bijih timah, tetapi juga Hindia Timur Belanda yang melimpah dengan sumber-sumber asli seperti petroleum dan gas.<sup>52</sup>

Pendek kata, ia berupaya melindungi laluan komunikasi dan kepentingan-kepentingan British di Timur Jauh. Tambahan pula, jarak antara Singapura dan Sydney dengan Hong Kong ialah kira-kira 1,450 batu dan 4,700 batu. Sementara jarak antara Singapura-Colombo dan Singapura-Aden, masing-masing adalah 1,600 batu dan 3,600 batu. Berbanding dengan jarak antara Sydney- Colombo dan Sydney-Aden pula adalah kira-kira 5,600 batu dan 7,400 batu.<sup>53</sup> Ini membuktikan kedudukan Singapura adalah satu lokasi terbaik bagi pembinaan sebuah pengkalan laut Imperial di Timur.

Pembinaan Pengkalan Laut Singapura bermakna konsep pertahanan Imperial di rantau ini tidak lagi semata-mata bertujuan untuk melindungi keselamatan perdagangan dan pulau tersebut serta perairannya. Kerja-kerja pertahanan yang dibangunkan di Singapura mempunyai tugas yang lebih berat lagi iaitu pertahanan serantau. Ia diharap dapat memberikan perlindungan yang terbaik kepada seluruh wilayah di Laut China Selatan. Sementara pihak Amerika Syarikat yang berpengkalan di Filipina, Guam dan Hawaii pula menguasai Lautan Pasifik. Secara

kasarnya, kuasa-kuasa Barat tersebut cuba menafikan penguasaan angkatan laut Jepun di Timur dan Pasifik.

Semenjak tahun 1920-an, Imperial British telah melihat kedudukan Singapura dari perspektif yang lebih luas. Pulau ini tidak lagi bermatlamat sebagai lokasi tumpuan para pedagang mendirikan gudang-gudang mereka.<sup>54</sup> Singapura harus memainkan peranan yang lebih besar. Dalam erti kata lain, Singapura tidak perlu lagi berselindung di sebalik keistimewaan pelabuhan dan perdagangannya. Maka, pada awal tahun 1920-an, kerja-kerja mendapatkan kawasan atau tanah di Singapura mula dijalankan. Pada tahun 1926 dan 1927, pelan-pelan pertahanan Imperial di Singapura dan perbelanjaannya telah dikeluarkan serta dibincangkan secara terperinci oleh *Committee of Imperial Defence, Oversea Defence Committee*, pihak-pihak dari angkatan laut dan udara serta Pejabat Kolonial. Kerja-kerja pembinaan projek tersebut dilaksanakan berpandukan kepada pelan induk yang dikeluarkan itu.

Pada tahun 1938, Singapura muncul sebagai satu-satunya pengkalan tentera laut dan udara British yang utama di Timur. Sebuah pengkalan laut telah dibina di Sembawang dan pengkalan udara pula terletak di Seletar. Pada 14hb. Februari 1938, Gabenor Negeri-Negeri Selat telah merasmikan "King George VI Dock" yang telah siap pembinaannya sebagai bahagian utama (*central feature*) dalam projek Pengkalan Laut

Singapura.

"The construction of the Naval and Air Bases and of the defences which protect them are truly in the words of the King's message to the Governor a symbol of the Empire's powerful resolve for peace".<sup>55</sup>

Dengan perasmian projek gergasi tersebut, satu lembaran baru dalam sejarah pertahanan empayar British telah tercatat. Singapura yang merupakan sebuah pulau kecil dan sunyi lebih seabad yang lalu, kini diangkat ke taraf yang begitu tinggi sebagai sebuah perkubuan Imperial yang disegani. Ia menjadi sebagai satu simbol keamanan British. Namun begitu, perkubuan ini boleh diibaratkan indah khabar dari rupa. Projek pertahanan gergasi tersebut gagal untuk menahan kemaraan dan kecerdikan taktik peperangan pasukan tentera negara Matahari Terbit. Walaupun kata-kata keramat Raffles untuk menjadikan Singapura sebagai "*Malta of the East*" telah terlaksana, tetapi dalam masa lebih kurang empat tahun selepas perasmian Pengkalan Laut Singapura, ia telah tumbang ke tangan tentera-tentera Jepun.

Selain daripada penguasaan British di Pulau Singapura, wilayah-wilayah kepulauan Asia Tenggara juga didominasi oleh kuasa-kuasa Barat. Pihak Belanda menguasai Kepulauan Indonesia sementara Sepanyol dan Amerika pula berkuasa di Kepulauan Filipina. Kuasa-kuasa Barat ini telah menggunakan pengaruh dan kekuatan tentera untuk memastikan penguasaan mereka ke atas koloni masing-masing.

Sepertimana Singapura, sejarah pertahanan Belanda di Indonesia serta Sepanyol dan Amerika Syarikat di Filipina juga amat menarik untuk dikaji. Namun begitu, pengkaji hanya membuat sedikit kajian perbandingan untuk melihat persamaan dan perbezaan konsep perlaksanaan kerja-kerja pertahanan yang dibangunkan oleh kuasa-kuasa penjajah berkenaan di koloni masing-masing.

Persamaan yang didapati daripada polisi kuasa-kuasa penjajah tersebut, ialah mereka mementingkan faktor pertahanan sebagai satu jaminan kepada perluasan kuasa dan pengaruh serta laluan komunikasi dan perdagangan mereka. Perbezaannya cuma kawasan sesebuah kerja pertahanan itu dilaksanakan, iaitu sama ada di kawasan tanah tinggi, tanah pamah ataupun kawasan sungai yang masuk ke tempat-tempat kepentingan sesebuah kuasa penjajah. Ternyata bahawa kerja-kerja pertahanan dan ketenteraan menjadi modal utama pihak penjajah meluaskan pengaruh dan melaksanakan dasar perdagangan mereka. Malah, pihak Syarikat Hindia Belanda pernah mengeluarkan kenyataan yang berbunyi :

"War might seem costly, but their minds it was the cheapest way to attain peace".<sup>50</sup>

Orang-orang Belanda telah membuka petempatan mereka di Kepulauan Indonesia lebih 200 tahun awal sebelum Syarikat Hindia Timur Inggeris memacakkan bendera Union Jack di Pulau Singapura.

Ketibaan mereka yang lebih awal telah membolehkan mereka menguasai aktiviti perdagangan dan hasil-hasil bumi Nusantara. Pertentangan yang mereka hadapi adalah daripada orang-orang Portugis dan pedagang-pedagang Inggeris yang turut sama terlibat dalam perdagangan di Kepulauan Melayu. Kerja-kerja pertahanan juga dibangunkan untuk menghadapi pemberontakan atau serangan penduduk tempatan.

Sebuah kapal Belanda telah dihantar ke Pulau Jawa pada tahun 1595. Pada tahun 1602 pula, Syarikat Hindia Timur Belanda telah ditubuhkan. Tujuan syarikat dagang Belanda ini adalah untuk menguasai pulau-pulau rempah di Kepulauan Maluku dan menyekat penguasaan orang-orang Portugis di rantau ini. Matlamat mereka adalah semata-mata mencari keuntungan.

"The Dutch begin their career in the East with no idea than that of buying cheap and selling dear; their ideas and aims were purely commercial".<sup>57</sup>

Apabila orang-orang Belanda dapat bertapak dan menguasai pulau-pulau rempah, mereka memerlukan sebuah pengkalan. Ia akan dijadikan sebagai pos bagi mengendalikan kerja-kerja pengumpulan hasil-hasil rempah. Dengan itu, pengkalan ini mesti merupakan pelabuhan yang baik, selamat dan terletak di kedudukan yang strategik. Ia juga berperanan sebagai pengkalan bagi operasi ketenteraan Belanda. Mereka perlu menguasai kedudukan-kedudukan yang berhampiran dengan selat-selat

utama yang menjadi laluan ke Kepulauan Melayu. Di samping itu, pelabuhan atau pengkalan berkenaan perlu berhampiran dengan bekalan air bagi kemudahan kapal-kapal Belanda serta boleh dikunjungi tanpa menunggu musim monsun.<sup>58</sup>

Orang-orang Belanda yang telah membuka petempatan di Banten telah mengalihkan tumpuan mereka ke Jacatra dengan membuka *factory* di wilayah berkenaan. Pada tahun 1618 hingga 1619, orang-orang Banten bersama-sama dengan British telah bersatu untuk menentang Belanda. Namun, usaha ini dapat dipatahkan oleh pihak Belanda. Gabenor Jeneral Jan Pietersz Coen telah mengarahkan pembinaan sebuah kota untuk dijadikan sebagai ibu negeri bagi Hindia Belanda. Kota terletak di dalam wilayah Jacatra ini dikenali sebagai Batavia.<sup>59</sup> Batavia terletak kira-kira 532 batu notika dari Singapura.<sup>60</sup> Ia telah dijadikan sebagai pusat pentadbiran bagi seluruh wilayah pengaruh Hindia Belanda di Kepulauan Melayu.

Motif perlaksanaan kerja-kerja pertahanan yang dijalankan oleh pihak Belanda adalah sama seperti tujuan pentadbiran Syarikat Hindia Timur Inggeris di Singapura. Tujuan utama mereka ialah menghindari atau menghadapi sebarang gangguan dan ancaman daripada pihak musuh dan lanun. Keselamatan pelabuhan dan kepentingan aktiviti perdagangan perlu diberikan keutamaan.

Namun begitu, perlaksanaan kerja-kerja pertahanan di Singapura dan Batavia agak berlainan dari segi fizikalnya. Bentuk topografi antara kedua-dua pelabuhan utama penjajah Eropah ini telah membezakan corak perlaksanaannya. Kerja-kerja pertahanan Singapura banyak dibangunkan di kawasan tanah tinggi bagi mengawasi aktiviti perkapanan di pelabuhan. Sebaliknya, kerja-kerja pertahanan Batavia dilaksanakan di kawasan tanah pamah. Perletakan meriam-meriamnya menghalakan sasaran ke kawasan pelabuhan dan sungai. Perkara ini banyak persamaan dengan perlaksanaan kerja-kerja pertahanan yang dibangunkan oleh pihak Sepanyol di Kepulauan Filipina.

Bagi menjamin keselamatan kawasan pelabuhan mereka, pentadbiran Belanda telah membina sebuah *redoubt* di Pulau Onrust, iaitu sebuah pulau kecil di *roadstead* Jacatra. Ia turut menjadi tempat pemberian kapal-kapal Belanda.<sup>61</sup> Di samping itu, tembok-tebok batu dibina di keliling kota Batavia sebagai langkah keselamatan dan perlindungan dengan empat buah kubu pertahanan. Kubu-kubu ini mengawasi bandar dan melindungi laluan dan muara Sungai Jacatra yang mengalir dalam kawasan Batavia.<sup>62</sup> Dinding dan *ramparts* kota ini dibina daripada batu-batu karang setinggi 20 kaki serta dilengkapi dengan berek-berek tentera. Stor-stor pengkalan laut dan kemudahan lain yang bersangkutan dengan aktiviti perkapanan juga ditempatkan di dalam kota

berkenaan<sup>63</sup>.

Di sebelah tebing kiri muara sungai itu dibina sebuah kubu pertahanan yang dikenali sebagai Watercastel. Ia dilengkapi dengan 30 laras meriam 16 pounders dan kemudahan berek. Di samping itu, kerja pertahanan yang lain turut dibangunkan di sebelah kiri dan kanan kubu Watercastel. Kerja-kerja pertahanan di sebelah kirinya adalah Flute, Beschekerme, Middle Batteries dan Siberg. Sementara di sebelah kanan Watercastel pula terdiri daripada Castor, Bottelier, Zelucht dan Tolbruck. Kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan ini berfungsi untuk melindungi laluan masuk ke kota dan mengawal aktiviti perdagangan serta jalan komunikasi.<sup>64</sup>

Pembinaan kerja-kerja pertahanan Belanda tidak sahaja bertumpu di bahagian barat Pulau Jawa. Ia turut dibangunkan di pelabuhan-pelabuhan lain yang berperanan sebagai pusat pengumpulan hasil mahsul setempat. Antaranya adalah Semarang, Cheribon dan Surabaya. Pelabuhan-pelabuhan tersebut menjadi pusat pengumpulan hasil sebelum ia dihantar ke Pelabuhan Tanjung Priok.

Seringkali dalam usaha melaksanakan dasar monopolii perdagangan, pihak Belanda terpaksa berhadapan dengan pemberontakan atau serangan daripada pembesar dan penduduk tempatan. Maka, kerja-kerja pertahanan ini perlu dilaksanakan bagi menjamin kedudukan dasar

perdagangan mereka tidak tergugat. Malah, pihak Belanda turut memperkuuh dan melengkapkan lagi kerja-kerja atau kubu pertahanan yang berjaya ditawan daripada penduduk tempatan. Kubu ini kemudiannya digunakan sebagai pusat pentadbiran mereka atau sebagai *citadel* daripada serangan penduduk tempatan. Antaranya seperti kubu Ujung Pandang atau lebih dikenali sebagai Fort Rotterdam. Kubu ini berjaya ditawan oleh Belanda daripada Sultan Hasanudin, Raja Gowa pada tahun 1667.<sup>65</sup>

Sebagaimana Pulau Singapura dan Indonesia, Kepulauan Filipina juga pernah menjadi rebutan dan tumpuan kuasa-kuasa Imperial. Kepulauan ini berada di bawah jajahan dan pengaruh Sepanyol selama lebih 400 tahun dan di bawah kuasa Amerika Syarikat pula selama hampir 50 tahun. Manila menjadi pusat pentadbiran semasa penjajahan kedua-dua kuasa tersebut. Seperti juga Singapura dan Indonesia kedudukan kepulauan ini menjadi tarikan utama kepada kuasa kolonialnya. Lokasi Kepulauan Filipina terletak di tengah-tengah perjalanan laut ke Timur dan Negara China. Dalam masa yang sama, ia juga terletak di kawasan Kepulauan Melayu yang kaya dengan hasil mahsulnya.

Ketibaan orang-orang Sepanyol di Filipina hampir sezaman dengan kehadiran orang-orang Belanda di Indonesia. Kedatangan mereka mendapat tentangan keras daripada penduduk-penduduk tempatan yang beragama Islam. Golongan ini dikenali sebagai Moro oleh orang-

orang Sepanyol. Kehadiran orang-orang Sepanyol dengan misi penyebaran agama Kristian merupakan satu pencabulan ke atas wilayah dan agama orang-orang Moro. Maka, tentangan demi tentangan terpaksa dihadapi oleh orang-orang Sepanyol dalam usaha menegakkan agama, perdagangan dan pengaruh mereka di Kepulauan Filipina.

Selain tentang daripada orang-orang Moro, pihak Sepanyol juga terpaksa menghadapi ancaman dan serangan lanun-lanun Cina, orang-orang Belanda dan Inggeris. Malahan, dapat dikatakan bahawa ancaman dan serangan Limahon (lanun Cina) telah menggerakkan perlaksanaan kerja-kerja pertahanan untuk melindungi Manila.<sup>66</sup>

Semakin berkembangnya aktiviti perdagangan di Pelabuhan Cavite, semakin penting dan rancak pembinaan kerja-kerja pertahanan. Pihak Sepanyol banyak membangunkan kerja-kerja pertahanan mereka di pulau-pulau Filipina. Ia bertujuan untuk melindungi aktiviti dan laluan perdagangan mereka serta mengukuhkan pengaruh dan agama mereka di Alam Melayu. Gereja juga banyak digunakan sebagai tempat perlindungan dan adakalanya bertindak sebagai sebuah kubu pertahanan.

Kerja-kerja pertahanan yang dibangunkan oleh pihak Sepanyol tidak sahaja tertumpu di Manila tetapi mereka juga memberikan perhatian terhadap keselamatan pulau-pulau yang lain. Konsep pembinaan pertahanan mereka tidak jauh berbeza dengan pertahanan Belanda di

Indonesia. Mereka perlu memastikan laluan perdagangan di antara satu pulau dengan pulau yang lain tidak diancam oleh pihak musuh. Mereka juga mementingkan kerja-kerja pertahanan bagi menguasai sungai yang mengalir masuk ke Manila. Ini agak berbeza dengan perlaksanaan pertahanan Sungai Singapura yang menumpukan sasaran tembakan ke arah laut.

Bandar Manila dikelilingi oleh tembok batu. Di dalamnya dilengkapi dengan senjata yang dikendalikan oleh tentera-tentera Sepanyol. Nuestra Senora de Guia adalah kubu pertahanan dengan binaan batu yang pertama dibangunkan oleh pihak Sepanyol. Ia merupakan sebuah menara yang berbentuk bulat dan boleh memberikan pengawasan ke atas Teluk Manila. Kemudian, kerja pertahanan ini ditingkatkan lagi dengan pembinaan Fort Santiago. Di samping itu, kerja-kerja pertahanan lain yang dibangunkan di sekitar Manila ialah San Gabriel, San Andres, San Pedro, Dilaw dan Plaza de Armas. Kesemua kerja pertahanan itu dilengkapi dengan meriam. Fort Santiago menjadi kubu pertahanan utama Sepanyol dan dilengkapi dengan meriam-meriam dari pelbagai saiz dan kualiti.<sup>67</sup>

Kepesatan aktiviti perdagangan di Pelabuhan Cavite dan kepentingan bandar Manila menyebabkan pihak Sepanyol membangunkan kerja-kerja pertahanan di pulau-pulau luar Luzon. Ia bertujuan untuk menepis serangan musuh dan melindungi hasil dan laluan perdagangan

dari pulau-pulau lain ke Manila. Semenjak awal tahun 1700an, pihak Sepanyol mula melaksanakan kerja-kerja pertahanan di Iligan, Dapitan, Linao dan Tandag (kesemuanya di Mindanao), Labo dan Tay-tay (di Palawan), Cuyo (di Calamianes) dan di Pulau Romblon. Di samping itu, banyak menara kawalan dibina di pinggir pantai yang menganjur dari Mindanao ke Luzon.<sup>68</sup> Ini membuktikan bahawa pihak Sepanyol amat mementingkan keselamatan laluan perdagangan antara pulau-pulau Filipina. Pantai utara pulau Mindanao didapati mempunyai kerja-kerja pertahanan yang agak kukuh. Ia terdiri daripada kubu-kubu Iligan, Dapitan dan Misamis. Kubu Iligan dan Misamis mempunyai kedudukan yang strategik untuk menyekat pergerakan golongan Moro Mindanao.<sup>69</sup>

Sementara itu, kapal-kapal wap yang dibeli oleh Kerajaan Sepanyol di London juga menyumbangkan peranan dalam pertahanan Sepanyol di Filipina. Pada tahun 1848, kapal-kapal wap "Magellaness", "Elcano" dan "Reina de la Castilla" telah digunakan untuk menyerang orang-orang Samar di Balanguigui.<sup>70</sup> Kapal-kapal wap ini akan memastikan keselamatan di pesisiran pantai dan laluan perdagangan. Sementara itu, penduduk-penduduk yang mendiami kawasan pantai dikumpulkan dalam kawasan bandar untuk menjamin keselamatan mereka daripada menjadi mangsa serangan pihak musuh. Antara tahun 1778 hingga 1793, Kerajaan Sepanyol telah membelanjakan lebih 1 juta pesos untuk menjalankan

operasi penentangan terhadap pihak musuh, terutamanya orang-orang Moro. Namun begitu, mereka masih gagal untuk membendung serangan dan pergerakan orang-orang Moro.<sup>71</sup>

Soal kewangan turut menjadi masalah kepada pihak Sepanyol dalam usaha membangunkan kerja-kerja pertahanan mereka. Secara tidak langsung, ia melembapkan serangan balas pihak Sepanyol terhadap serangan dan ancaman musuh. Beberapa kerja pertahanan seperti di Tambongan, Libog, Sorsogon, Malinao, Moto, Bulusan dan Tabaco mengalami masalah kekurangan meriam dan ubat bedil.<sup>72</sup>

Pada pertengahan abad ke 18, kubu pertahanan di Iligan berada dalam keadaan yang tidak mantap. Ia kekurangan anggota tentera, bot-bot pengawal pantai, senjata dan bahan makanan. Kubu pertahanan di Zamboanga turut mengalami nasib yang serupa. Senjata-senjata yang ditempatkan di kubu ini tidak mempunyai bilangan tentera yang cukup untuk mengendalikannya.<sup>73</sup>

Pihak Sepanyol di Kepulauan Filipina pernah diserang oleh kapal-kapal Belanda yang berpusat di Batavia. Pada pertengahan abad ke-17, berlaku pertempuran antara kedua-dua belah pihak di selatan kepulauan berkenaan. Dua buah kapal Sepanyol yang dilengkapi dengan senjata telah tiba dari Neuva Espana untuk menghadapi kapal-kapal Belanda. Pada tahun 1646 hingga 1647, berlaku pertempuran yang hebat

antara pihak Sepanyol dan Belanda di Zamboanga, Jolo, Pampanga dan Teluk Manila.

Hampir 100 tahun kemudian, pihak Sepanyol terpaksa menghadapi serangan British pula. Pada tahun 1762, satu skuadron British telah memasuki Teluk Manila.<sup>74</sup> Ia terdiri daripada sembilan buah kapal perang dan dua *storeships*. Mereka telah melancarkan serangan ke atas bandar Manila dan berjaya menguasai gereja di Malate dan bandar Manila. Namun begitu, penguasaan British ke atas Filipina tidak lama. Perjanjian Paris yang ditandatangani pada Januari 1763 telah mengembalikan kepulauan ini kepada pihak Sepanyol. Pada 13 Ogos 1898, Amerika Syarikat pula berjaya menawan Manila. Dengan pasukan tentera laut dan darat, mereka berjaya menundukkan tentera-tentera Sepanyol yang berkubu di dalam Kota Manila. Kejayaan tentera Amerika ini turut dibantu oleh ketua pemberontak berbangsa Filipina, General Emilio Aguinaldo.

Berbanding dengan pertahanan Sepanyol di Filipina dan Belanda di Indonesia, pertahanan Singapura tidak pernah diancam oleh pihak musuh semenjak dari awal pembinaan kerja-kerja pertahanan di pulau tersebut. Ia hanya "dicabar" oleh dua peristiwa yang berlaku pada tahun 1854 iaitu pergaduhan kaum Cina dan pada tahun 1915 dengan pemberontakan tentera British berbangsa India. Kedua-dua peristiwa

tersebut dengan mudah dapat dikawal dan ditangani oleh pentadbiran British.

Pembinaan Pengkalan Laut Singapura adalah kemuncak dalam sejarah pertahanan pulau tersebut. Ia adalah hasil daripada kesinambungan dan pembaharuan kerja-kerja pertahanan dan strategi Imperial melindungi kepentingan-kepentingan mereka. Pengkalan Laut Singapura dan garisennya inilah yang menghadapi tentera-tentera Imperial Jepun.

Kewibawaan serta keangkuhan British di Alam Melayu dan seterusnya di Dunia Timur berjaya dicabar dan diruntuhkan oleh pasukan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Pergerakan tentera-tentera Jepun di Timur dan kemaraan mereka ke Tanah Melayu serta Singapura dilaksanakan dengan taktik yang bijak dan teratur berdasarkan maklumat risikan yang tepat. Jepun begitu menyedari kehadiran sebuah pengkalan laut dan pertahanan Imperial British yang kukuh di Singapura. Taktik kemaraan mereka melalui pintu belakang berjaya memperdaya dan menolak perkiraan serangan seperti yang dijangkakan oleh pihak pertahanan Imperial di Singapura dan England.

Secara ringkasnya, Pengkalan Laut Singapura tak ubah seperti sebuah kubu pertahanan yang kaku. Kemantapan pembinaan dan susunan persenjataannya yang hebat seperti yang akan dibincangkan dalam

**bab-bab berikut gagal untuk menangkis dan mempertahankan Pulau Singapura dan wilayahnya serta Kepulauan Asia Tenggara umumnya daripada serangan Jepun.**

### Nota kaki

1. Lihat Shaharil Talib, "Singapore (1824-1958): This is My island in the Sun", Tokyo, 13th IAHA Conference, 1994, hal. 5-6.
2. **Straits Times**, 13 Ogos 1923.
3. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Perang, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 252-291.
4. Ernest C.T. Chew and Edwin Lee (ed.), **A History of Singapore**, Singapore, Oxford University Press, 1991, hal. 19.
5. C.B. Buckley, **Anecdotal History Of Old Times**, Singapore, University Malaya Press, 1985.
6. D.C. Boulger, **The Life Of Sir Stamford Raffles**, London, Horace Marshall & Son, 1897.
7. C.M. Turnbull, **A History Of Singapore, 1819-1975**, Singapore, Oxford University Press, 1977.
8. Ernest C.T. Chew and Edwin Lee (ed.), **Op. Clt.**
9. James Neidpath, **The Singapore Naval Base And The Defence Of The Eastern Empire, 1919-1941**, Oxford, Clarendon Press, 1981.
10. James McIntyre, **The Rise And Fall Of Singapore Naval Base 1914-1942**, London, Macmillan Press Ltd., 1979.
11. James Leasor, **The Battle That Changed The World**, New York, Doubleday & Co. Inc., 1968.
12. Ivan Simson, **Singapore : Too Little Too Late**, Singapore, Asia Pacific Press, 1970.
13. R. Grenfell, **Main Fleet To Singapore**, Singapore, Oxford University Press, 1987.
14. Dorothy Crisp, **Why We Lost Singapore**, London, Dorothy Crisp & Co. Ltd., 1944.
15. S.W. Kirby, **Singapore : The Chain Of Disaster**, London, Cassel & Co. Ltd., 1971.

16. C.M. Turnbull, **Op. Cit.**
17. Lihat Hasliza Ibrahim, "Zaman Gelap Di Singapura, 1862-1953: Antara Gas Dan Elektrik", tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1993/94.
18. Lihat Faizah Samsudin, "Surat Ke Kabel Telegraf Ke Gelombang (Perkembangan Saluran Pos Dan Telegraf Di Singapura 1844-1941), Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1993-94.
19. Lihat Hanizah Idris, "Pembangunan Dan Perkembangan Infrastruktur Pelabuhan Singapura, 1819-1941", tesis Sarjana yang sedang disiapkan, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1994/95.
20. *Factory* ialah istilah yang biasa digunakan untuk menerangkan pos perdagangan atau *trading settlements* orang-orang Eropah, yang mana barang dagangan dikumpulkan untuk diagih atau dieksport.
21. SSFR (RNLA, series A-Z, A. 33) : J. Prince kepada J. Anderson, 10 Mac 1827, ff. 345-351.
22. N. Tarling, **British Policy in the Malay Peninsula Archipelago 1824-1871**, Singapore, Oxford University Press, 1969, hal. 13.
23. SSFR (RNLA, series A-Z, A. 39) : J. Prince kepada J. Anderson, 7 Sept. 1827, ff. 140-149.
24. C.B. Buckley, **Op. Cit.**, hal. 170.
25. Nicholas Tarling, **Op. Cit.**
26. N. Tarling, **Ibid.**, hal. 13.
27. Chiang Hai Ding, **A History of Straits Settlements Foreign Trade, 1870-1915**, Singapore, National Museum, 1978, hal. 3.
28. Chiang Hai Ding, **Ibid.**, hal. 1.
29. CO 537/48 : Mitchell kepada Pejabat Kolonial, 2 Mac 1896, desp. Conf., ff. 247-255.

30. Susan Abeysekere, **Jakarta A History**, Singapore, Oxford University Press, 1989, hal. 8-9.
31. Chiang Hai Ding, **Op. Cit.**, hal. 38.
32. No. 18, Straits Settlements Military Contribution, dalam **SSLCP**, 15 Okt. 1891, C. 99.
33. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
34. **Ibid.**
35. No. 18, Straits Settlements Military Contribution, dalam **SSLCP**, 15 Okt. 1891, C. 100 - C.101.
36. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
37. **Ibid.**
38. **Ibid.**
39. **Ibid.**
40. No. 18, Straits Settlements Military Contribution, dalam **SSLCP**, 15 Okt. 1891, C. 104.
41. **Singapore and Straits Directory**, 1895, hal. 54.
42. **Singapore and Straits Directory**, 1896, hal. 35.
43. Military Contribution Committee, 1927, no. fail : 28096, dalam CO 273/541, ff. 1-65.
44. C.P. Lucas, **Historical Geography Of The British Colony**, Oxford, The Clarendon Press, 1888, hal. 7.
45. **Ibid.**, hal. 29.
46. C.M. Turnbull, **A History of Singapore 1819-1988**, Singapore, Oxford University Press, 1989, hal. 6.
47. James Leasor, **Op. Cit.**, hal. 61.
48. S.W. Kirby, **Op. Cit.**, hal. 2.

49. F.M. Anderson and A.S. Hershey, **Handbook For The Diplomatic History Of Europe, Asia And Africa, 1870-1914**, New York, Negros University Press, 1918, hal. 303.
50. S.W. Kirby, **Op. Cit.**, hal. 3.
51. **Ibid.**
52. **Ibid.**, hal. 6-7.
53. **Ibid.**
54. **Straits Times**, 24 Feb. 1922.
55. Naval Base : Singapore, 1938, no. fail : 50029, dalam CO 273/640, ff. 1-38.
56. Clive Day, **The Policy And Administration Of The Dutch In Java**, London, Oxford University Press, 1966, hal. 46.
57. **Ibid.**, hal. 43.
58. **Ibid.**, hal. 40-43.
59. **Ibid.**, hal. 43.
60. G.G. van der Kop, **Batavia Queen City Of The East**, Batavia, G. Kolff and Co., 1925, hal. 25.
61. **Ibid.**, hal. 9.
62. J.J. Stockdale, **Sketches, Civil And Military Of The Island Of Java And Its Immediate Dependencies**, London, J.J. Stockdale, 1812, hal. 270.
63. **Ibid.**, hal. 60-64.
64. **Ibid.**, hal. 271.
65. Masdoeki, Abdul Mutualib M. dan Bahru Kallupa, **Benteng Ujung Pandang (Fort Rotterdam)**, Jakarta, Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan, 1987/1988, hal. 4.
66. Alexander E.W. Salt and H.O.S. Heistand, "Manila Walls And Their Fortifications", **Historical Bulletin**, Vol. VIII, No. 4, Manila, The Philippine Historical Association, 1964, hal. 42.

67. Ibid., hal. 40-87.
68. Gregorio F. Zaide, **History Of The Filipino People**, Manila, The Modern Book Co., 1969, hal. 75.
69. Ghislaine Loyre, "The Spanish Fort Of Iligan : 1750-60", **Philippines Studies**, 35, 1987, hal. 163.
70. Gregorio F. Zaide, **Op. Cit.**, hal. 77.
71. Ibid., hal. 76.
72. Francisco Mallari S.J., "Defences Of Bicol Towns In The Nineteenth Century", **Philippine Studies**, 35, Manila, 1987, hal. 191-209.
73. Ghislaine Loyre, Op. Cit., hal. 163-169.
74. Alexander E. W. Salt and H.O.S. Heistand, Op. Cit., hal. 80.